



Bil : 1/2009 Keluaran Februari 2009

## DARI MEJA PENGARANG

Berita Niaga Bumiputera (BNB) diterbitkan untuk menyebarkan maklumat mengenai peluang, bantuan dan kemudahan perniagaan yang terdapat di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) serta Agensi-agensi di bawah MITI, yang boleh dimanfaatkan Bumiputera.

Mulai Februari 2009, BNB akan dikeluarkan setiap bulan dan diedarkan kepada usahawan dan syarikat Bumiputera serta Persatuan dan Dewan Perniagaan Bumiputera. BNB juga akan dimuatkan di portal dan laman web MITI dan Agensi.

Adalah diharap penerbitan BNB ini dapat membantu Bumiputera dalam menerokai, menceburi dan mengambil peluang-peluang yang tersedia dengan sebaik mungkin.

Sekreteriat Berita Niaga Bumiputera

*Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Urusetia di talian (03) 6203 4695*

## KEMUDAHAN KEWANGAN

### PENAMBAHBAIKAN GERAN PEMBANGUNAN PASARAN (MDG)

Ekoran dari kegawatan ekonomi yang berlaku baru-baru ini, skop tuntutan MDG telah diperluaskan dan beberapa syarat sedia ada telah dibuat penambahbaikan supaya dapat dimanfaatkan oleh lebih ramai pengeksport tempatan. Antaranya adalah kelayakan bagi kos penerbangan dan penginapan, kelayakan geran ditambah dari seorang kepada dua orang peserta. Syarikat layak menuntut kos penerbangan kelas ekonomi untuk dua orang termasuk cukai lapangan terbang. Bagi kos penginapan, syarikat layak menuntut untuk dua bilik hotel. Persatuan dan Badan Professional juga layak menuntut kos penginapan untuk dua orang urusetia dan penginapan untuk dua bilik bagi penyertaan dalam pameran perdagangan dan misi perdagangan yang dianjurkan oleh Persatuan dan Badan Profesional.

Kelayakan perbelanjaan tuntutan maksimum bagi kos pengiklanan dalam direktori pameran dalam negara dinaikkan daripada RM500 kepada RM1,000. Manakala bagi percetakan bahan-bahan promosi, dinaikkan daripada RM30,000 kepada RM100,000.

*"Ke Arah Memperkasa Masyarakat Perindustrian dan Perdagangan Bumiputera"*

Bagi penyertaan dalam aktiviti Pusat Pameran Eksport Malaysia (MEEC) dan penyertaan dalam seminar/bengkel/kongres tempatan yang berkaitan eksport, kelayakan tuntutan diberi kepada semua syarikat EKS.

Selain daripada penambahbaikan kepada skop MDG sedia ada, satu aktiviti baru turut diperkenalkan pada tahun ini iaitu lawatan susulan ke atas misi perdagangan, pameran perdagangan dan misi pemasaran khusus yang telah disertai oleh syarikat. Lawatan susulan ini perlu dijalankan dalam tempoh enam bulan selepas berakhirnya tarikh misi perdagangan tersebut.

## PROGRAM DAN AKTIVITI UNTUK BUMIPUTERA

### PROGRAM BUMIPUTERA SEPANJANG JANUARI-MAC 2009 ANJURAN MIDF

1. Seminar Penerangan dan Sesi Klinik Anjuran Persatuan Pengilang dan Industri Perkhidmatan Bumiputera Malaysia (PPIPBM)

MIDF telah menyertai satu seminar penerangan dan sesi klinik yang dianjurkan oleh PPIPBM bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna pada 29 Januari 2009 di Dewan Seri Jugra, Banting, Selangor. Seramai lebih daripada 200 usahawan Bumiputera yang berdaftar dengan PPIPBM telah hadir di sesi penerangan dan klinik tersebut. Seminar ini juga telah disertai oleh GCH Retail (M) Sdn. Bhd. (operator Pasaraya Giant), Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC), SME Bank, Yayasan TEKUN Nasional (TEKUN), Majlis Amanah Rakyat (MARA), RHB Bank Berhad, Maybank Berhad dan Bank Negara Malaysia. Sebilangan besar peserta yang hadir pada seminar ini adalah usahawan Bumiputera yang terlibat secara khusus dalam sektor perkilangan dan pembungkusan makanan yang beroperasi di sekitar Banting, Selangor.

2. Simposium Usahawan Bumiputera, Kota Bharu, Kelantan

MIDF telah berjaya menganjurkan satu simposium khusus untuk usahawan Bumiputera pada 7 Februari 2009 bertempat di Hotel Renaissance, Kota Bharu, Kelantan. Simposium ini telah dirasmikan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Mahmud bin Taib, Pengerusi MIDF Berhad. Simposium ini telah dihadiri oleh lebih daripada 350 usahawan Bumiputera yang sebilangan besar beroperasi di Kota Bharu dan kawasan persekitarannya. Simposium ini bertujuan membantu usahawan Bumiputera menangani kesulitan yang dihadapi akibat ketidakpastian keadaan ekonomi semasa berikutan krisis ekonomi global.

Penceramah dari MIDF, TEKUN, Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB), SMIDEC dan MATRADE telah menerangkan tentang pengurusan kewangan, peluang pembiayaan kewangan serta skim-skim kewangan dan peluang perniagaan yang disediakan oleh MIDF dan agensi-agensi Kerajaan yang lain. Simposium ini juga menampilkan satu sesi berkongsi pengalaman bersama seorang usahawan Bumiputera yang berjaya, sesi berkongsi pengetahuan mengenai keadaan ekonomi semasa dan juga sesi untuk menerangkan cara-cara penyediaan kertas kerja bagi permohonan pembiayaan perniagaan.

*"Ke Arah Memperkasa Masyarakat Perindustrian dan Perdagangan Bumiputera"*

MIDF akan mempertingkatkan usaha untuk membantu usahawan Bumiputera bagi melengkapinya dengan teknik memperbaiki perniagaan di samping memperkukuh dan memperluaskan rantaian hubungan dan rangkaian perniagaan.

*Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Urusetia di talian (03)2173 8598/2772 1896  
Anda juga boleh melayari <http://www.midf.com.my>*

## PROGRAM BUMIPUTERA BAGI TAHUN 2009 ANJURAN MIDA

MIDA telah menubuhkan Unit Pembangunan Perniagaan Bumiputera (BBDU–*Bumiputera Business Development Unit*) yang dikendalikan oleh Bahagian Penggalakan Pelaburan Tempatan pada 11 Ogos 2008. Bagi tujuan menyebarkan maklumat mengenai peluang-peluang pelaburan dalam sektor perkilangan, MIDA telah mengenal pasti beberapa program yang akan dilaksanakan pada tahun 2009 khusus untuk Bumiputera. Program yang akan dijalankan adalah seperti berikut:

### 1. Bengkel Peluang Pelaburan dalam Sektor Perkilangan dan Perkhidmatan

Objektif bengkel ini adalah untuk memaklumkan masyarakat perniagaan mengenai polisi terkini, insentif dan sokongan yang diberikan oleh agensi kerajaan. Peserta juga berpeluang untuk mengenali fungsi-fungsi agensi di bawah MITI dan menjalinkan hubungan dengan agensi berkenaan.

### 2. Bengkel Pembiayaan Projek dan Modal Teroka (*Venture Capital*)

Objektif bengkel ini adalah untuk memaklumkan peserta mengenai skim pinjaman kewangan daripada bank terutamanya yang berkaitan dengan sektor perkilangan. Peserta juga berpeluang untuk mengetahui skim modal teroka, kriteria dan prosedur untuk memohon.

### 3. Bengkel Pengkomersilan Aktiviti R&D

Objektif bengkel ini adalah untuk mendedahkan peserta hasil R&D dan peluang untuk mengkomersilkan hasil penyelidikan. Dalam program ini, peserta berpeluang untuk mengetahui bidang R&D yang telah dimajukan oleh beberapa institusi pengajian tempatan dan juga potensi untuk mengkomersilkan hasil kajian. Peserta juga berpeluang untuk mendapat bimbingan dan menjalinkan hubungan dengan penyelidik-penyelidik universiti.

### 4. Seminar Industri khusus

Objektif seminar ini adalah untuk meningkatkan lagi pengetahuan mengenai perkembangan dan peluang-peluang baru dalam industri ini. Peserta dapat berkongsi pengalaman dan bertukar pandangan dengan peserta lain terutama untuk meningkatkan lagi prestasi syarikat mereka. Seminar ini juga sesuai bagi peserta yang baru untuk menceburkan diri dalam sektor perkilangan.

Bagi menjayakan seminar ini, agensi khusus yang terlibat dalam pembangunan industri akan dijemput. Peserta berpeluang untuk menjalinkan hubungan dengan agensi berkenaan untuk tujuan bimbingan pada masa akan datang.

*“Ke Arah Memperkasa Masyarakat Perindustrian dan Perdagangan Bumiputera”*

MIDA akan memaklumkan dari semasa ke semasa tarikh dan tempat seminar ini akan diadakan kelak melalui ruangan buletin ini dan halaman web MIDA.

*Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Urusetia di talian (03)2267 3404  
Anda juga boleh melayari <http://www.mida.gov.my>*

**PROGRAM UNTUK EKS/BUMIPUTERA FEBRUARI-MAC 2009 ANJURAN MPC**

MPC menyediakan pelbagai perkhidmatan latihan, pembangunan sistem pengurusan, penyelidikan, promosi serta penandaarasan, bertujuan untuk meningkatkan bina upaya, produktiviti dan daya saing yang boleh dimanfaatkan syarikat Bumiputera.

Di antara program latihan untuk bulan Februari dan Mac 2009 adalah:

NO.	TAJUK KURSUS	TARIKH	TEMPAT	YURAN	YURAN EKS/ BUMIPUTERA
				(RM)	(RM)
1.	Kem ICC	20-22 Feb 09	Pulau Pinang	750	150
2.	ICC Untuk Ahli Kumpulan	24-25 Feb 09	Kuantan	500	100
3.	Quality Improvement Tools	24-25 Feb 09	Petaling Jaya	500	100
4.	Step by Step in Quality Environment (5S) Implementation	24-25 Feb 09	Petaling Jaya	500	100
5.	Amalan Persekitaran Berkualiti (5S) Yang Efektif	24-25 Feb 09	Petaling Jaya	500	100
6.	Training On the Productivity - Linked Wage System - Models and Implementation Process	24-25 Feb 09	Johor Bahru	500	100
7.	ICC untuk Ahli Kumpulan	25-26 Feb 09	Petaling Jaya	500	100
8.	Pengurusan Fail dan Rekod yang Efektif	10-11 Mac 09	Kuantan	500	100
9.	Step by Step ISO 9001: 2000 Documentation	10-11 Mac 09	Petaling Jaya	550	110
10.	Motivasi Berkesan dalam Organisasi	10-12 Mac 09	Petaling Jaya	420	84
11.	Layanan Mesra dan Berkualiti melalui Perkhidmatan Telefon	18-19 Mac 09	Petaling Jaya	500	100
12.	ICC untuk Ketua Kumpulan	24-25 Mac 09	Petaling Jaya	500	100

*Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Urusetia (Puan Sharifah Shamshiah Syed Ali) di talian 03-79512334 atau emel: [sh.shamsiah@mpc.gov.my](mailto:sh.shamsiah@mpc.gov.my).*

***"Ke Arah Memperkasa Masyarakat Perindustrian dan Perdagangan Bumiputera"***

## SEMINAR PERJANJIAN PERDAGANGAN BEBAS (FTA) ANJURAN MATRADE

MATRADE akan mengadakan siri seminar dan taklimat mengenai Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA). Objektif utama siri seminar dan taklimat ini adalah untuk memaklumkan komuniti perdagangan Malaysia tentang peluang dan faedah yang wujud dan ditawarkan daripada perjanjian-perjanjian perdagangan bebas yang telah ditandatangani oleh Malaysia.

Bagi bulan Februari dan Mac 2009, seminar dan taklimat FTA adalah seperti berikut:

<u>Tarikh/Tempat</u>	<u>Topik Seminar FTA</u>
29 Februari 2009 Ipoh, Perak	<i>Seminar On "Optimising Opportunities under Malaysia's Free Trade Agreements (FTA)"</i>
Mac 2009 Kuala Lumpur	<i>"Opportunities in the Japanese Market - Leveraging the MJEPA"</i>

## PEMBANGUNAN PENGEKSPORT

### PROGRAM PEMBANGUNAN PENGEKSPORT BUMIPUTERA (BEDP)

Program Pembangunan Pengeksport Bumiputera (BEDP) adalah merupakan program yang dibangunkan oleh MATRADE khusus untuk membimbing dan membangunkan usahawan industri kecil dan sederhana Bumiputera bagi menceburi pasaran antarabangsa.

Sebanyak 12 syarikat akan dipilih setiap tahun untuk mengikuti program ini. Pemilihan dibuat berdasarkan penilaian dari dua aspek utama iaitu kesediaan dan keupayaan eksport. Sebanyak 48 syarikat Bumiputera telah mendapat manfaat daripada program ini sehingga tahun 2008.

Dalam tempoh bimbingan dan sokongan selama tiga tahun, syarikat Bumiputera yang dipilih didedahkan dengan aktiviti-aktiviti promosi perdagangan antarabangsa seperti Pameran Perdagangan Antarabangsa, Misi Perdagangan dan Pelaburan, Misi Pemasaran Khusus dan Misi Perniagaan Individu serta latihan dan seminar untuk menjana pembangunan serta peningkatan keupayaan dan pengetahuan dalam perdagangan antarabangsa.

Syarikat Bumiputera di bawah program ini akan mendapat pembiayaan sepenuhnya dari MATRADE untuk menyertai tiga aktiviti galakan eksport setahun, selama tiga tahun. Kos yang dibiayai adalah:

1. Yuran penyertaan yang berkaitan (termasuk sewa ruang pameran).
2. Tiket penerbangan pergi-balik kelas ekonomi untuk seorang.
3. Kos penginapan hotel bagi satu bilik.

*"Ke Arah Memperkasa Masyarakat Perindustrian dan Perdagangan Bumiputera"*

Faedah dan insentif lain yang diberikan kepada syarikat Bumiputera di bawah BEDP adalah:

- Penyertaan secara percuma dalam seminar-seminar yang dianjurkan oleh Ibupejabat MATRADE.
- Penyertaan dalam program lawatan ke sektor swasta dan kerajaan berkaitan.
- Pengecualian membayar yuran bagi ruang pameran produk di Pusat Pameran Eksport Malaysia (MEEC) untuk tempoh setahun (satu sesi).
- Bantuan dan khidmat nasihat untuk memilih pasaran eksport yang sesuai.

## PERKEMBANGAN INDUSTRI TERPILIH

### PRESTASI EKSPORT INDUSTRI PEMROSESAN MAKANAN

Industri pemprosesan makanan merupakan salah satu industri utama yang diberikan perhatian di dalam Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3). Majoriti syarikat Bumiputera yang berdaftar dengan MATRADE adalah terdiri daripada usahawan dalam industri pemprosesan makanan.

Industri pemprosesan makanan merupakan penyumbang kelapan terbesar eksport Malaysia yang mewakili 2.6 peratus daripada jumlah eksport Malaysia bagi sektor pembuatan.

Sehingga November 2008, Malaysia telah mengeksport sejumlah RM11.12 bilion makanan diproses, peningkatan sebanyak 43.4 peratus berbanding RM7.81 bilion pada tahun 2007.

Singapura merupakan destinasi eksport utama produk makanan Malaysia dengan jumlah sehingga November 2008 adalah RM1.5 bilion. Ini diikuti oleh Amerika Syarikat (RM936.5 juta), Indonesia (RM893.7 juta), Kuwait (RM539.2 juta) dan Jepun (RM489.4 juta).

Lima kategori bagi industri pemprosesan makanan yang mencatatkan peningkatan eksport adalah:

- Koko dan produk koko, bernilai RM3.04 bilion, kenaikan sebanyak 35.1 peratus;
- Bijirin dan produk berasaskan tepung, bernilai RM1.17 bilion, kenaikan 27.8 peratus;
- Produk tenusu, yang mencatatkan peningkatan sebanyak 39.2 peratus, bernilai RM999.1 juta;
- Buah-buahan dan sayur-sayuran diproses mencatatkan peningkatan sebanyak 27.1 peratus kepada RM386.1 juta; dan
- Produk daging diproses mencatatkan 88.4 peratus peningkatan, bernilai RM131.2 juta.

*Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Urusetia di talian (03)6207 7077  
Anda juga boleh melayari <http://www.matrade.gov.my>*

*"Ke Arah Memperkasa Masyarakat Perindustrian dan Perdagangan Bumiputera"*

## PROGRAM PENINGKATAN KEUPAYAAN ENTERPRIS BUMIPUTERA

Program Peningkatan Keupayaan Enterpris Bumiputera (BEEP) merupakan satu inisiatif yang mula diperkenalkan pada tahun 2001 bagi membantu meningkatkan keupayaan dan memperkembangkan perniagaan syarikat milikan usahawan Bumiputera, melalui pakej bantuan secara bersepadu. Program yang menekankan kepada pendekatan '*hand holding*' ini, menyediakan pakej bantuan yang meliputi khidmat nasihat teknikal dan bantuan kewangan kepada EKS Bumiputera. Program ini dilaksanakan secara bersama dengan agensi di peringkat negeri dan juga agensi teknikal seperti MARDI dan SIRIM bagi memastikan EKS mendapat bimbingan sepenuhnya dari kedua-dua pihak iaitu daripada agensi di peringkat persekutuan dan negeri.

Bagi menambahkan lagi keberkesanan pelaksanaan serta memastikan EKS Bumiputera benar-benar mendapat manfaat daripada program ini, setiap syarikat di bawah program ini perlu menjalani proses pengauditan menggunakan pendekatan *SME Competitive Rating for Enhancement Tool* (SCORE). Melalui kaedah ini, prestasi EKS akan diukur sebelum menyertai program dan akan diberikan *rating* di antara 0 hingga 5 bintang. Pengauditan secara berkala akan dilaksanakan dari semasa ke semasa untuk mengukur pencapaian dan perkembangan EKS terlibat. Proses pemantauan ini akan dilaksanakan secara berterusan selama tiga tahun dan EKS di bawah program ini yang telah mencapai status 3 bintang melalui sistem SCORE akan berpeluang untuk meneroka pasaran di luar negara dengan bantuan MATRADE.

Sepanjang pelaksanaan program ini, sebanyak 245 projek bagi pelbagai aktiviti dan projek peningkatan keupayaan telah berjaya dilaksanakan oleh EKS. Projek-projek penambahbaikan yang telah dijalankan termasuklah pembangunan produk dan proses, peningkatan kualiti dan persijilan dan peningkatan kualiti pembungkusan serta pelabelan produk.

Pada tahun 2009, SMIDEC merancang untuk memperluaskan pelaksanaan program ini dengan membantu lebih banyak EKS Bumiputera di seluruh negara.

## SCORE

Di bawah SCORE, syarikat dinilai berdasarkan tujuh parameter iaitu prestasi perniagaan, keupayaan kewangan, keupayaan teknikal, kapasiti pengeluaran, inovasi, sistem kualiti dan kecekapan pengurusan. Syarikat berkenaan dikategorikan di antara 0 sehingga 5 bintang, mengikut tahap pencapaian. Berdasarkan penilaian, program peningkatan keupayaan yang bersesuaian dilaksanakan dengan bantuan skim kewangan SMIDEC, termasuk khidmat nasihat pakar. Syarikat di dalam kategori 3 dan 4 bintang dianggap telah bersedia untuk mengeksport dan dirujuk kepada MATRADE.

*Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Urusetia di talian (03)6207 6131  
Anda juga boleh melayari <http://www.smidec.gov.my>*

*"Ke Arah Memperkasa Masyarakat Perindustrian dan Perdagangan Bumiputera"*

PENERAPAN AMALAN PERSEKITARAN BERKUALITI DI SYARIKAT CONTOH - SELIA-TEK SDN. BHD.

Program Pembangunan Kecemerlangan Organisasi Syarikat Contoh (TQM Model Company) merupakan program pembangunan sistem yang berasaskan kepada falsafah Pengurusan Kualiti Menyeluruh (TQM). Program ini telah dilancarkan pada tahun 2007 di bawah peruntukan RMK-9, yang bertujuan untuk membantu EKS meningkatkan kualiti dan produktiviti (P&Q) syarikat. Sehingga Januari 2009, sebanyak 44 buah EKS telah menyertai program ini.

Pada bulan April 2007, Selia-Tek Sdn. Bhd. (Selia-Tek) telah menyertai Program Pembangunan Kecemerlangan Organisasi Syarikat Contoh anjuran MPC. Selia-Tek telah ditubuhkan pada tahun 1985 dengan menjadi pembekal barangan suntikan plastik, telekomunikasi, perubatan dan kelengkapan landasan keretapi. Syarikat ini juga menjadi pengeluar utama bagi perkakasan dan peralatan penyambungan kabel. Ia menjadi pengeluar barangan lengkap bagi pelbagai aksesori *Aerial Bundle Cable* (ABC) dan *customised moulding* bagi produk plastik. Di samping itu, ia juga menjadi pengeluar bagi komponen perkakas *tools and die* serta menjalankan kerja-kerja bagi *metal stamping*. Selain menjadi pengeluar dan pembekal ABC, Selia-Tek juga merupakan vendor kepada Tenaga Nasional Berhad.

Bantuan Tenaga Pakar dari MPC

Di bawah program ini, syarikat telah dibantu oleh perunding MPC untuk memperkemas sistem pengurusan, terutamanya yang berkaitan dengan pengurusan kualiti, Amalan Persekitaran Berkualiti (5S) dan usaha-usaha meningkatkan kepuasan pelanggan. Hasil daripada aktiviti berkenaan, Selia-Tek telah berjaya mendapat Persijilan Amalan Persekitaran Berkualiti (5S) MPC pada bulan April 2008.

Pencapaian Program

Hasil dari pelaksanaan program Kecemerlangan Organisasi ini, Selia-Tek telah berjaya meningkatkan prestasi seperti berikut:

No.	Petunjuk Prestasi Utama (KPI)	Sebelum Program (2007)	Selepas Program (2008)
1.	Kadar Ketidakhadiran (%)	0.1%	0.05%
2.	Kadar Kecacatan Produk (%)	1%	0.9%
3.	Rungutan Pelanggan (Bil.)	8	4
4.	Kadar Kemalangan (Bil.)	1	0

Selia-Tek telah berjaya menghasilkan produk yang lebih berkualiti, hasil dari pengurusan yang cekap dan kemahiran tinggi warganya. Penggunaan mesin yang canggih dan pemeriksaan produk menggunakan peralatan yang berteknologi tinggi

*"Ke Arah Memperkasa Masyarakat Perindustrian dan Perdagangan Bumiputera"*

turut meningkatkan keupayaan Selia-Tek. Data dari maklum balas pelanggan menunjukkan peratus rungutan pelanggan telah berkurangan berbanding dengan tahun sebelumnya.

Selain itu, pelaksanaan Program Kecemerlangan Organisasi ini juga telah berjaya meningkatkan semangat kerja berpasukan warga Selia-Tek. Kecekapan proses turut meningkat dan ini memberi impak kepada daya saing syarikat. Program ini juga memberikan kesan kepada pelanggan yang mendapat perkhidmatan dan layanan memuaskan daripada kakitangan syarikat.

Untuk pertanyaan lanjut berkenaan program ini, sila hubungi:

Ketua Pengarah  
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)  
Lorong Produktiviti, Off Jalan Sultan  
46200 Petaling Jaya, Selangor  
(U.P.: Tn. Hj. Omar Othman/En. Zaki Jaafar)  
Tel : 03-7955 7266; 7955 7050  
Faks : 03-7955 1824

### MENGHADAPI KEGAWATAN EKONOMI

Puan Noraini Soltan, Pengarah Urusan Sipro Plastic Industries Sdn. Bhd. telah berkongsi pengalaman tentang bagaimana beliau mengharungi kemelesetan ekonomi pada 1998. Pengalamannya ini dikongsi dengan syarikat-syarikat Terengganu semasa program MPC Bersama Industri di Terengganu pada 2 Februari 2009. Antara saranan beliau adalah:

- 1) Sentiasa mengikuti perkembangan ekonomi terkini, sama ada dalam dan luar negara melalui surat khabar, majalah ekonomi dan juga berita.
- 2) Menilai impak krisis ekonomi dengan menganalisa operasi syarikat.
- 3) Mengukuhkan pengurusan kewangan dengan menganalisa penyata kewangan seperti kos operasi, bahan mentah, gaji serta perbelanjaan harian syarikat serta memastikan aliran kewangan tunai adalah positif.
- 4) Mengenal pasti insentif Kerajaan melalui pakej rangsangan ekonomi dengan sentiasa mengukuhkan jalinan kerjasama, memberi latihan dalaman dan luaran kepada pekerja, membuat lawatan ke luar negara dan melakukan aktiviti-aktiviti penambahbaikan.
- 5) Sentiasa mengadakan perhimpunan mingguan, bertujuan untuk meningkatkan tahap kesedaran pekerja.
- 6) Mengambil langkah meningkatkan produktiviti dengan aktiviti kaizen (penambahbaikan berterusan).

*Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Urusetia di talian (03)7955 7266/7960 0131  
Anda juga boleh melayari <http://www.mpc.gov.my>*

*“Ke Arah Memperkasa Masyarakat Perindustrian dan Perdagangan Bumiputera”*

- Notis Tender MITI Bil. 1/2009 : Membekal dan Menghantar Toner dan Lain-lain Aksesori ICT di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)
- Notis Tender MITI Bil. 2/2009 : Perkhidmatan Mencetak dan Menerbit Buku Laporan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri 2008 (*Malaysia International Trade and Industry Report 2008*)

Dokumen tender ini juga boleh diakses menerusi laman web MITI di [www.miti.gov.my](http://www.miti.gov.my) atau ePerolehan di [e-Perolehan.gov.my](http://e-Perolehan.gov.my)

- Projek-projek infrastruktur dan pembinaan daripada Pakej Rangsangan Ekonomi berjumlah RM7 bilion, kini sedang dilaksanakan di beberapa Kementerian dan Agensi Kerajaan, seperti Kementerian Pertahanan, Kementerian Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Kesihatan, Kementerian Kerja Raya, Kementerian Pelajaran dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan. Untuk butiran lanjut sila hubungi Kementerian/Agensi berkaitan.

### HYPERLINK

- MITI dan Agensi juga menerbitkan buletin-buletin berita seperti berikut:
  - *SME E-News* (<http://www.smidec.gov.my>)
  - *MATRADE on-line* (<http://www.matrade.gov.my>)
  - *MITI Weekly Bulletin* dan *ASEAN Economic Bulletin* (<http://www.miti.gov.my>)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI  
Tingkat 7, Blok 10, Komplek Pejabat Kerajaan, Jalan Duta  
50622 Kuala Lumpur, Malaysia  
Tel. No. : 603-6203 3022  
Faks No. : 603-6201 2302  
E-mel : [webmiti@miti.gov.my](mailto:webmiti@miti.gov.my)  
Laman Web : <http://www.miti.gov.my>